



Sepanjang Tabir 2014....ms5

Sepanjang Tabir 2015....ms10

Patterns of Smartphones Utilisation among Malaysian Engineering Undergraduates....ms18

Kesabaran dan Pasti Beroleh Kemenangan....ms24

LB
2331
.C37
2015
a
v8



3 Menghayati Pembelajaran



- 2 Isi Kandungan, Sidang Redaksi
- 3 Carta Organisasi PPP
- 4 Bingkisan Bicara Pengarah
- 4 Coretan Ketua Editor
- 5 Sepanjang Tabir 2014
- 10 Sepanjang Tabir 2015
- 19 Patterns of Smartphones Utilisation among Malaysian Engineering Undergraduates
- 24 Kesabaran Dan Kesyukuran Pasti Beroleh Kemenangan

PENASIHAT

*PROF. MADYA DR.
SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN*

KETUA EDITOR

DR. MULIATI BINTI SEDEK

EDITOR

*DR. ALIZA BINTI CHE AMRAN
PN. RAFIDAH BINTI MD. DUSA
PN. ERNI SUHADAH BINTI MOD HUSIN
PN. SHARNIZA BINTI ZAINUDIN
PN. MARIANA BINTI JELANI
PN. AZLINAH BINTI AJIS
EN. MOHAMMAD ISHAM BIN ISHAK*

PEMBACA PRUF

DR. ALIZA BINTI CHE AMRAN

JURUGAMBAR

EN. JASMI BIN JOHARI



PENGAERAH
Dr. Syed Najmuddin Bin Syed Hassan



SETIAUSAHA PEJABAT
Pn. Erni Suhadah Binti Mod Husin



TIMBALAN PENGAERAH
Dr. Aliza Binti Che Amran



TIMBALAN PENGAERAH
Dr. Muliati Binti Sedek



PENOLONG PENDAFTAR
Pn. Rafidah Binti Md. Dusa



SETIAUSAHA PEJABAT
Pn. Sharniza Binti Zainudin

LATIHAN

PENTADBIRAN

TEKNIKAL



PEMBANTU TADBIR KANAN (P/O)
Pn. Azlinah Binti Ajis



PEMBANTU TADBIR (P/O)
Pn. Mariana Binti Jelani



JURUTEKNIK KOMPUTER
En. Mohammad Isham Bin Ishak



PEMBANTU OPERASI
En. Jasmi bin Johari

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wbt. dan Salam 1Malaysia,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T, pemerintah sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ke atas keluarga Baginda dan seluruh sahabat Baginda, dan para Tabi'in keseluruhannya. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya buletin tahunan PPP Edisi Ke 8 CATALYST 2015 berjaya diterbitkan dan menjadi bahan santapan ilmu buat warga UTeM khususnya dan tatapan umum amnya.

Setiap helaian naskah terbitan ini memaparkan aktiviti dan gerak kerja terancang PPP yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dan 2015. Berteraskan halatuju strategik Universiti dan mengoptimumkan sumber sedia ada, PPP terus dengan penuh dedikasi merencana dan menganjurkan program latihan yang mampan dan berimpak untuk staf akademik UTeM. Selaras dengan kecanggihan teknologi, PPP turut berperanan memperkasa evolusi pengajaran dan pembelajaran melalui Massive Open Online Course (MOOC) agar setara dan berupaya menampung tuntutan perubahan teknologi baru. Justeru itu, PPP sentiasa proaktif dan komited dalam mendokong usaha memastikan para akademia tersedia dengan anjakan paradigma yang berorientasikan amalan kerja yang baik bagi merealisasikan visi dan misi julangan ilmu cemerlang UTeM yang berterusan.

Pembinaan modul latihan yang berteras ciri-ciri kemantapan spiritual, kekuatan/kesihatan fizikal, ketinggian intelektual, kestabilan emosi dan kemahiran bersosialisasi secara tidak langsung membentuk insan yang bertaqwa, punya sikap amanah dan serta boleh menjadi da'i kepada generasi penerus. Semoga kolaborasi idea dan usaha yang disuntik dapat menghasilkan tenaga mahir profesional yang berintegriti dan berjati diri Islami yang menjadi tonggak kekuatan UTeM.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi TAHNIAH kepada semua warga kerja PPP atas kegigihan dan komitmen yang cemerlang dalam merealisasikan setiap perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun 2014 dan 2015. Semoga keberhasilan kerja cemerlang ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada tahun 2016.



Memuncak harapan menawan ilmu,
Kerahsiaan impian citra maknawi;
Mencipta gagasan pejuang berilmu,
Merealisasikan harapan dambaan pertiwi.

Gugusan bintang mewarnai angkasa,
Terkesima pesona kerlipan cahaya;
Cendekia tonggak kemajuan nusa,
Membina bangsa negara jaya.

Seri gemilang zaman bahari,
Pahatan sejarah indera kayangan;
Kehebatan ilmu cahaya menerangi,
Sinar kejayaan menemani insan.

Coretan
KETUA EDITOR Dr. Muliati binti Sedek



Assalamualaikum wbt. dan Salam 1 Malaysia

Syukur ke hadrat Yang Maha Esa, dengan izinNya Buletin CATALYST Edisi ke 8/2015 ini dapat diterbitkan.

Dengan penerbitan CATALYST kali ini, dapat mengimbau kembali akan kepelbagaian aktiviti akademik yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 dan 2015. Semoga dengan penganjuran aktiviti-aktiviti ini dapat meningkatkan kesedaran dan seterusnya melahirkan ahli akademik yang berkeupayaan untuk berinovasi dan merekayasa bidang-bidang baharu dan seterusnya, mempunyai kemahiran dan kompetensi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Akhir bicara, terima kasih daun keladi di atas kerjasama yang diberikan oleh semua warga PPP dalam menerbitkan Buletin CATALYST ini. Semoga dedikasi terhadap tugas dan usaha berterusan tanpa jemu ini, membolehkan kita mencapai kejayaan seperti mana yang diharapkan.



Kursus Questioning Skills for Effective Teaching and Learning

Kursus ini direka untuk membantu staf akademik bagi merangka soalan yang berkesan. Unsur yang diterapkan termasuk asas kemahiran menyoal dan teknik menyoal dan kepentingan menyoal dalam pengajaran dan pembelajaran. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Aderi Che Nuh dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 26 Februari 2014 yang telah dihadiri oleh seramai 35 peserta.



Bengkel Cooperative Problem Based Learning (COPBL): Problem Scenario and Assessment

Bengkel ini memberi penerangan akan kaedah pembelajaran dengan menggunakan masalah yang relevan dan memberi fokus bagaimana melaksanakan proses pembelajaran dengan teknik yang tepat. Ianya juga menekankan akan kepentingan proses belajar dan mengajar dalam pengembangan keterampilan generik seperti pemecahan masalah, kerja kumpulan, komunikasi dan sebagainya. Bengkel ini telah diadakan pada 27 Februari 2014 dan telah disampaikan oleh Tuan Haji Yahya bin Samian dari UTM dan dihadiri oleh seramai 35 peserta.



Bengkel Developing of Learning Outcomes

Bengkel ini telah diadakan pada 26 Mac 2014 dan telah disampaikan oleh Dr. Muhammad Fahmi bin Miskom dari FKE. Seramai 23 peserta telah hadir. Bengkel ini bertujuan menjelaskan tentang pendidikan berasaskan hasil *Outcome Based Education (OBE)* yang merupakan keperluan semasa dalam pelaksanaan program akademik di Institusi Pengajian Tinggi. Peserta dapat mempelajari pembentukan Hasil Pembelajaran yang terdiri daripada Objektif Program Pendidikan (PEO), Hasil Program (PO) dan Hasil Pembelajaran Kursus (LO).



Seminar *Learning Engagement and Motivation (LEM)*, AKEPT

Seminar ini telah diadakan pada 9 April 2014 bertempat di Dewan Konvensyen, UTeM Kampus Bandar yang telah dihadiri seramai 39 orang peserta daripada pelbagai fakulti. Tujuan seminar ini diadakan bagi ahli akademik supaya dapat menerima pengajaran berkualiti yang akan menyokong dan mengubah pembelajaran mereka. Peserta dapat mengenalpasti *Learning Engagement and Motivation (LEM)* serta dapat berkongsi di peringkat Jabatan dan Fakulti. Pelbagai kaedah dapat digunakan untuk melibatkan diri dan memberi motivasi kepada pelajar di dalam kelas mereka sendiri.



Bengkel *Implementing Group Work In The Classroom*

Bengkel ini direka bentuk bagi membantu pengajar dalam melaksanakan teknik kerja secara berkumpulan di dalam kelas serta mereka bentuk persekitaran pembelajaran yang aktif dengan melaksanakan kemahiran kolaboratif dan koperatif. Kemahiran ini akan membantu tenaga pengajar untuk membangunkan kumpulan pembelajaran yang berkesan untuk pelajar mereka mengikut tugas yang diberikan dengan mengambil kira latar belakang, bangsa, agama dan pencapaian pelajar. Ceramah telah disampaikan oleh En. Aziz bin Yahya dari PBPI pada 22 April 2014 bertempat di Dewan Konvensyen, UTeM Kampus Bandar.



Kursus *Complex Engineering Problem*

Kursus ini telah disampaikan oleh Dr. Syed Ahmad Helmi bin Syed Hassan dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang diadakan pada 24 April 2014. Seramai 27 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada pelbagai fakulti. Tujuan kursus ini diadakan bagi mengenalpasti serta strategi dalam menyelesaikan masalah kejuruteraan yang kompleks dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara tidak langsung, kursus ini akan dapat menangani masalah kompleks kejuruteraan dan dengan itu bersedia untuk akreditasi oleh EAC.



Bengkel *Continuous Monitoring of Student Performance*

Bengkel yang diadakan pada 6 Mei 2014 banyak memberi pelajaran baru kepada peserta kerana penceramah ialah Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib yang banyak memperkenalkan dua hubungan penting taksiran dalam OBE: hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah (LO-KI), dan hasil pembelajaran dan hasil program (LO-PO). Kaedah penilaian formatif dan sumatif yang sesuai di kenal pasti untuk pemantauan berterusan berkesan prestasi pelajar. Di samping itu, bengkel ini juga termasuk teknik yang reflektif. Peserta yang hadir terdiri daripada pelbagai fakulti seramai 25 orang.



Bengkel *OBE Assessment (Closing The Loop)*

Bengkel telah diadakan pada 28 Mei 2014 dan dihadiri seramai 26 orang peserta daripada pelbagai fakulti. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd. Noor dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tujuan bengkel ini mentakrifkan proses yang terlibat dalam Peningkatan Kualiti Berterusan (CQI) untuk melengkapkan kitaran *Outcome-Based Education*. Serta memberi umpan kepada strategi, alat dan aktiviti yang dijalankan untuk meningkatkan kualiti program. Para peserta telah mengambil peluang ini bersama penceramah yang juga adalah orang penting di dalam proses akreditasi program kejuruteraan di Malaysia.



Kursus *Academic Policy and Standard in Curriculum Design*

Kursus ini menyediakan peserta dengan peruntukan dasar untuk mereka bentuk kurikulum. Ia menonjolkan peranan institusi pengajian tinggi dalam membangunkan dasar akademik. Ia juga meliputi proses pembangunan dasar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Prof. Madya Shahdan Md. Lani dijemput sebagai penceramah bagi kursus ini dan dihadiri seramai 26 orang peserta.




Bengkel *Problem Based Learning* (PBL)

Bengkel *Problem Based Learning* (PBL) merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan masalah yang relevan dan bermakna sebagai fokus dalam proses pembelajaran. Bengkel ini memberi pengenalan kepada pensyarah dan memudahkan sesi PBL dalam kelas. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Faaizah binti Shahbodin dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) yang dihadiri oleh seramai 20 orang peserta.



Kursus *Constructing Test Questions Based on Bloom Taxonomy*

Program disampaikan oleh Dr. Zainurin bin Abd. Rahman dari Universiti Islam Antarabangsa (IIUM) pada 4 September 2014. Tujuan kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam pengujian dan penilaian. Fokus utama kursus ini adalah membina aktiviti. Penglibatan aktif para peserta digalakkan sepanjang kursus. Beberapa aspek teori dan praktikal juga dibincangkan. Seramai 32 orang peserta dari UTeM.



Kursus *Understanding Student Learning Behaviour*

Kursus ini telah diadakan pada 18 September 2014 dan disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Rozelan bin Yunus (Dekan, IPTK). Pelajar belajar dalam pelbagai cara: dengan melihat dan pendengaran, bekerja bersendirian dan dalam kumpulan, logik, menghafal, menggambar. Sesetengah suka gambar kepada teks. Yang lain lebih suka kepada abstrak. Kesedaran tentang pelbagai jenis pelajar mungkin di dalam kelas, boleh membantu pengajar bagaimana untuk menyediakan bahan, aktiviti reka bentuk malah urutan penerangan di dalam kelas. Bengkel ini memberi wawasan tentang betapa pentingnya memahami gaya pembelajaran pelajar. Seramai 24 orang peserta telah menghadiri bengkel ini.



Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Bil. 1/2014 (Siri 1, 2, 3)

Kursus wajib ini diikuti oleh semua staf akademik di UTeM. Peserta yang hadir penuh untuk ketiga-tiga siri akan dianugerahkan Sijil Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran serta layak dipertimbangkan bagi tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Kursus ini diadakan sekali setahun. Selepas berjaya mengikuti kursus ini, para peserta akan menjalani proses Penyeliaan P&P di fakulti masing-masing. Ceramah telah disampaikan oleh beberapa staf UTeM yang berkemahiran dan berpengalaman dan dihadiri seramai oleh 67 orang peserta.

Kolokium : Cabaran Menghadapi Generasi "Y" dan Bagaimana untuk Melahirkan Pendidik Yang Berintegriti



Program yang melibatkan 7 orang pembentang kertas kerja yang berprofesional telah diadakan di Auditorium Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka yang disertai seramai 100 orang peserta. Selain daripada staf UTeM peserta juga terdiri daripada IPTA/IPTS iaitu Kolej Profesional MARA Bandar Melaka, Kolej Komuniti Selandar, MRSM Tun Ghafar Baba, Kolej Yayasan Melaka. Tujuan Kolokium ini adalah membuka ruang perbincangan dan perkongsian ilmu dikalangan staf akademik UTeM dalam aspek berkaitan dengan P&P dan e-pembelajaran yang lebih luar. Mereka juga berpeluang bagi membentangkan hasil penyelidikan, rekabentuk, berkongsi idea, inovasi dan isu semasa dalam perkembangan akademik terutamanya mengenai *Active Learning* dan *e-Learning*. Ia juga dapat merangsang perbincangan ke arah penambahbaikan P&P dan e-pembelajaran dalam masa akan datang. Forum yang bertajuk "Bagaimana Untuk Melahirkan Pendidik Yang Berintegriti" juga telah dilaksanakan. Forum tersebut membincangkan tentang pembentukan sahsiah diri seorang pendidik yang cermelang. Ianya juga membincangkan bagaimana semangat kenegaraan dapat membina jatidiri serta mengupas isu keperluan pendidik yang berintegriti dalam menjamin kelestarian tamadun Malaysia. Panel forum tersebut terdiri daripada Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib Naib Canselor UTeM, Prof. Ir Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor Timbalan Naib Canselor (P&I) dan Dr. Md Akbal bin Abdullah Pensyarah Jabatan Teknologi dan Warisan, Fakulti Sains, Teknologi Dan Pembangunan Insan dari UTHM.





Kursus Pengurusan Bahan Rujukan Menggunakan Perisian *Mendeley*

Kursus ini bertujuan melengkapkan peserta dengan maklumat mengenai cara untuk menggunakan perisian *Mendeley* bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran mengurus bahan rujukan penyelidikan. Perisian ini dapat membantu dalam penulisan artikel, kertas kerja persidangan dan jurnal. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Burairah bin Husin (Dekan, FTMK) pada 25 Februari 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 39 orang peserta.



Kursus Memanfaatkan Peranti Mudah Alih Untuk P&P

Kursus ini bertujuan mencipta perubahan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan penggunaan peranti mudah alih tanpa wayar. Kini kelas bukan lagi suatu bilik yang statik tetapi lebih dinamik dan *ubiquitous*. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Zul Azri bin Muhamad Noh dari PSTP pada 24 Februari 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 34 peserta.



Kursus Sistem Dalam Talian OBE UTeM

Kursus ini telah diadakan sebanyak 2 kali dan telah dihadiri oleh seramai 56 peserta. Ceramah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Jariah binti Md Juoi (Pegawai, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik). Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman para akademik tentang aplikasi sistem OBE dan bagaimana sistem ini dapat membantu mereka dalam melaksanakan pengajaran berteraskan OBE dengan lebih berkesan.



Bengkel Bagaimana Untuk Melaksanakan Flip Dalam P&P

Bengkel ini telah diadakan pada 25 Februari 2015 dan telah disampaikan oleh Dr. Zulisman bin Maksom dari PSTP. Seramai 35 peserta telah hadir. Tujuan bengkel ini memberi tunjuk ajar kepada staf akademik bagaimana untuk melaksanakan Flip dalam bilik kuliah. Pelaksanaan e-Pembelajaran membolehkan pensyarah menggunakan *Flipped Learning* iaitu memberikan bahan P&P lebih awal kepada pelajar melalui LMS.



Kursus Penyeliaan Projek Sarjana Muda Yang Berkesan

Kursus ini membincangkan berkenaan amalan penyeliaan Projek Sarjana Muda (PSM) yang terbaik dan berkesan untuk digunakan di setiap fakulti. Perbincangan mengenai langkah yang boleh diambil oleh pensyarah/penyelia untuk membantu mereka dalam meneruskan penyeliaan PSM tersebut ke peringkat Master/PhD. Kursus ini telah diadakan pada 17 Mac 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 36 peserta.



Kursus Mencipta dan Mengurus Kursus OCW UTeM

Kursus ini memberi pendedahan kepada para peserta tentang Sumber Pendidikan Terbuka (SPT) ataupun lebih dikenali dengan *Open Educational Resources (OER)*. Peserta juga telah didedahkan kepada jenis lesen *Creative Common* dan prosedur untuk memohon lesen e-kandungan OCW yang dibangunkan. Ceramah telah disampaikan oleh En. Ahmad Fadzli Nizam bin Abdul Rahman dari PSTP dan telah dihadiri oleh seramai 29 peserta pada 25-26 Mac 2015.



Kursus Analisa Kuantitatif Menggunakan Perisian R

Kursus ini diadakan supaya peserta dapat mempelajari bagaimana untuk menggunakan perisian R untuk membantu proses penganalisan data. Perisian R adalah satu alternatif perisian *open source* selain daripada perisian IBM SPSS yang digunakan oleh penyelidik. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Burhanuddin dan Dr. Siti Azirah dari FTMK yang telah dihadiri oleh seramai 21 peserta pada 1 April 2015.



Kursus Dari Penyelidikan kepada Pengkomersilan

Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor (Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi) pada 13 April 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 26 peserta. Kursus ini memberi pendedahan kepada staf akademik dalam memahami penelitian berdasarkan komersilan terhadap universiti. Justeru itu, dapat mengubah pola pemikiran supaya didorong kepada komersial.



Kursus Pengurusan Projek Penyelidikan

Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Rabiah binti Ahmad dari CRIM pada 16 April 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 48 peserta daripada pelbagai fakulti. Kursus ini diadakan adalah untuk memberi bimbingan kepada staf akademik berkenaan dengan projek penyelidikan. Ia juga bertujuan memastikan struktur yang ada dapat mempromosikan dan memperluaskan praktik penelitian terbaik dengan penekanan ketelitian dalam penelitian di UTeM.



Kursus *General Pedagogy in Teaching and Learning for 21st Century Classroom*

Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Hanipah binti Husin dari PBPI. Kursus ini membincangkan akan pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 yang berfokus pada pelajar *pedagogy – centered*. Kuliah harus memfasilitasi proses pembelajaran dari populasi siswa abad ke-21 mereka harus mampu menggambarkan definisi mereka sendiri pada pengajaran dan pembelajaran di kelas. Disini staf akademik haruslah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan karakter dan keperluan pelajar.



Kursus Aplikasi NLP Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai prinsip asas NLP sebagai kerangka kerja serta menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermanfaat. Kursus ini menggunakan konsep NLP untuk pengajaran dan pembelajaran seperti sistem pencerapan maklumat individu (visual, auditori dan kinestetik), analisis mata minda dan sebagainya. Ceramah telah disampaikan oleh En. Muhamad Fuad bin Abdul Karim dan telah dihadiri oleh seramai 49 peserta pada 23 April 2015.



Kursus Penambahbaikan Berterusan Dalam OBE

Kursus diadakan bagi menerapkan CQI kalangan staf akademik UTeM. Peserta dapat meningkatkan mutu pendidikan dan mengetahui isu yang berkaitan dengan akreditasi. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon dari FKE dan telah dihadiri oleh seramai 23 peserta pada 5 Mei 2015.



Kursus Aplikasi Kemahiran Kaunseling Dalam Sistem Penasihat Akademik

Kursus pengujian dalam psikologi dan kaunseling digunakan sebagai alat untuk mendapatkan data diri klien dengan jelas. Peserta dapat mengetahui beberapa aspek yang boleh diukur seperti minat, nilai, personaliti dan pencapaian individu. Ceramah telah diadakan pada 7 Mei 2015 dan disampaikan oleh Dr. Norida binti Abdullah dari PBPI dan telah dihadiri oleh seramai 25 peserta.



Menjuarai Permohonan Dana Penyelidikan

Bengkel yang diadakan pada 14 Mei 2015 telah disampaikan oleh Prof. Dr. Radzali bin Othman dan Madya Dr. Azizah binti Shaaban. Bengkel ini menerangkan kaedah pencarian sumber dana serta strategi penulisan kertas cadangan projek dan dibincangkan secara teori dan aplikasi. Modul ini menjelaskan kategori dana penyelidikan masa kini dan sistem permohonan yang digunakan oleh UTeM maupun agensi pemberi dana. Seramai 30 peserta telah hadir ke bengkel ini.



Kursus Pengurusan Dan Penyeliaan Pasca Siswazah

Kursus ini telah menyediakan peserta dengan satu amalan terbaik dalam menguruskan penyeliaan pelajar pasca siswazah bagi memastikan keseragaman dengan pendekatan terbaik untuk kakitangan akademik di UTeM. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dijemput sebagai penceramah bagi kursus ini dan telah dihadiri oleh seramai 18 peserta.



Kursus Menilai Tesis Pasca Siswazah

Kursus ini memberi penerangan kepada peserta tentang tugas yang perlu ada kepada seorang penilai tesis pasca siswazah. Sebagai pemeriksa, borang normal bantuan yang disediakan oleh calon adalah sangat penting. Pemeriksa juga harus menghargai kerja yang dibentangkan secara logik, fokus, ringkas serta dianalisis. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Dr. Nasrudin Abd Rahim dari Pengarah UMPEDAC dan telah dihadiri seramai 27 peserta.



Bengkel Bagaimana untuk Menghasilkan Portfolio Pengajaran yang Berkesan

Portfolio pengajaran adalah penting untuk pendidik. Ia merupakan koleksi dokumen yang merekodkan idea staf akademik dan objektif yang memaklumkan pengajaran, kursus yang diajar atau kursus yang perlu untuk mengajar, kaedah yang digunakan dan bukti yang menunjukkan keberkesanannya. Kursus ini juga membincangkan bagaimana pembelajaran penilaian telah dilakukan. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Linda Khoo Mei Sui dari PBPI pada 10 Jun 2015 dan telah dihadiri oleh seramai 12 peserta daripada pelbagai fakulti.



Kursus Penulisan Jurnal Berimpak Tinggi

Program disampaikan oleh Prof. Madya Dr. T Joseph Sahaya Anand dan Dr. Noorli binti Khamis pada 15 Jun 2015. Penulisan artikel jurnal adalah satu kaedah perkongsian ilmu peringkat tinggi. Modul penulisan artikel jurnal membincangkan teknik berkesan penulisan artikel untuk diterbitkan dalam jurnal berwasit disamping kaedah pemilihan jurnal yang bersesuaian. Latihan asas penulisan dan penerbitan jurnal dihuraikan secara berperingkat. Beberapa aspek teori dan praktikal juga telah dibincangkan.



Kursus *Validity and Reliability in Assessment*

Kursus ini telah diadakan pada 16 Jun 2015 dan disampaikan oleh Dr. Joharry Othman dari Universiti Islam Antarabangsa. Dua ciri penting ujian yang baik adalah kesahan dan kebolehpercayaan. Dalam bengkel ini, peserta telah membangunkan pemahaman tentang prosedur yang digunakan untuk mewujudkan ujian kesahan dan kebolehpercayaan dan seterusnya kemahiran untuk menggunakannya. Ceramah, demonstrasi, kerja kumpulan, dan sesi praktikal telah direka untuk menggalakkan peserta untuk menarik dan merenung amalan penilaian mereka sendiri. Seramai 14 peserta telah menghadiri bengkel ini.



Kursus *Professional English*

Kursus Bahasa Inggeris untuk Akademik : *Professional English* adalah salah satu daripada kursus dalam Bahasa Inggeris untuk staf akademik. Ianya bertujuan untuk memajukan penguasaan Bahasa Inggeris staf akademik dengan memberi tumpuan kepada kemahiran bercakap dan menulis, tatabahasa dan perbendaharaan kata yang sesuai. Ia penting untuk staf akademik dalam menyampaikan P&P secara berkesan melalui penggunaan Bahasa Inggeris.



Kursus *English For Teaching And Learning Purposes*

Kursus ini disampaikan oleh Puan Noraini binti Husain dari Pusat Bahasa & Pembangunan Insan. Ia bertujuan untuk menambahkan penguasaan bahasa Inggeris kepada ahli akademik UTeM dalam menyampaikan kandungan dan membolehkan mereka mengajar dengan berkesan dalam ceramah dan sesi makmal, selaras dengan dasar universiti itu dan juga pelaksanaan pendekatan seperti OBE.



Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Bil. 1/2015 (Siri 1, 2, 3)

Kursus wajib ini telah diikuti oleh semua staf akademik. Peserta yang hadir penuh ketiga siri akan dianugerahkan Sijil Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) serta layak dipertimbangkan bagi tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat. Kursus ini diadakan sekali setahun. Selepas berjaya mengikuti kursus ini, peserta akan menjalani proses Penyeliaan P&P sebanyak 2 kali di fakulti masing-masing. Ceramah telah disampaikan oleh beberapa pegawai UTeM yang berkemahiran dan berpengalaman dan dihadiri seramai 27 peserta.



Kursus Etika Dalam Penyelidikan Dan Inovasi

Ceramah telah disampaikan oleh staf yang berpengalaman dari UTeM dan UNITEN dan telah dihadiri oleh seramai 571 peserta dari semua fakulti. Perbincangan merangkumi penerangan pengertian nilai dan etika, hubungan antara nilai dan etika, serta implikasi nilai dan etika dari perspektif perundangan. Modul ini menjelaskan secara ringkas dalam mematuhi etika ketika menguruskan penyelidikan.

Welcoming International Speakers to Centre for Teaching & Learning



Seminar Akademik

'Globalizing Malaysia's Higher Education: A Vast Transformation'

10 - 11 Mac 2015
Dewan Konvensyen PPP, Kampus Bandar, UTeM

Prof. Dame Wendy Hall
Director of the Web Science Institute
University of Southampton UK

Associate Prof. Dr. Richard Buckland
Co-founder of education startup OpenLearning.com
University of New South Wales, Australia

Globalizing Malaysia's Higher Education: A Vast Transformation



Conventional classes have their own limitations and the number of students are limited. The essential face-to-face sessions leave no options for the instructor as well as the students. However, with online learning, distance and students number are no longer a problem. Online learning transforms today's education.

OpenCourseWare (OCW) and Massive Open Online Courses (MOOCs) are online platforms where students, domestically and internationally, able to use the course online materials and have the chance to interact not only with the course instructors but also with other students who might be on the other side of the world. Imagine having more than 10,000 students from all over the world enrolled for your course!

Online learning solutions allow students to access learning materials from anywhere, at any time. It widens access to quality learning, cost efficient and gives the opportunity for the higher education to promote their institutions to the whole world.

Globalizing Malaysia's Higher Education: A Vast Transformation Academic Seminar brings together higher education institution leaders and academicians, industries, and the community to share best practices and create strategies on translating National e-Learning Policy (DePAN) into reality. Next step for Malaysia's Higher Education is to get serious in leveraging the online learning. It is hoped that this academic seminar could bring benefits and gives you new perceptions on online learning. Let's do it!

Kolokium Akademik : Memperkasa Peranan Universiti Teknikal di Peringkat Pendidikan Tinggi

11 November 2015 • Avillion Legacy Hotel Melaka




11 November 2015 (Rabu)
Avillion Legacy Hotel Melaka

KOLOKSIUM AKADEMIK

Memperkasa Peranan Universiti Teknikal di Peringkat Pendidikan Tinggi


Dirasmikan oleh:
YB. Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Anjuran :
Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)



PATTERNS OF SMARTPHONES UTILISATION AMONG MALAYSIAN ENGINEERING UNDERGRADUATES

by: Muliati Sedek



The smartphones ownership among the undergraduates in Malaysia was recorded as high (Malaysian Communications and Multimedia Commission, 2011). However, little was known about its utilisation patterns, thus, the focus of this research was to determine the utilisation patterns of smartphones based on the National Education Technology Standard for Students (NETS.S) among engineering undergraduates in Malaysian Technical Universities (MTUN). This study was based on a quantitative research and the population comprised undergraduates from four MTUN. A total of 400 questionnaires were analyzed and based on the results, the undergraduates'

smartphones utilisation level for communication and collaboration tool ($M=4.37$, $SD=.932$) was at a high level. Utilisation for operations and concepts tool ($M=2.75$, $SD=.941$), research and information fluency tool ($M=2.67$, $SD=.918$), digital citizenship tool ($M=2.21$, $SD=.996$) and critical thinking, problem solving and creativity tool ($M=2.03$, $SD=.987$) were at moderate level. From the findings, it can be concluded that smartphones were not being equally utilized. More awareness programmes, training and workshops should be given to the students in order to encourage them to fully utilise smartphones for learning and to enrich their higher order thinking skills.

Keywords: engineering students, smartphones, utilisation patterns, NETS.S

1.0 Introduction

1.1 Malaysian Technical Universities (MTUN)



The Malaysian Action Plan Phase 2 has put focus to increase the number of future technical-skilled workers by strengthening the field of study base on the engineering as well as Technical and Vocational Education & Training (TEVT). In this context, the Malaysian Technical Universities (henceforth, MTUN) plays an important role in this agenda, through the mainstream approach in engineering and technical education. There are four MTUN namely Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) and Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). These four universities focus and function towards the betterment of education in terms of technology, technical and engineering field. Their programmes are designed to be more student-focused and conducted through

experiential learning with the affordance of new and latest technology, such as the ubiquitous technologies (Malaysian Technical University Networks (MTUN), Strategic Plan, 2013).

Today, the example of popular ubiquitous technology that have been used by students are laptops and smartphones (Abas, 2011; Ahadiat, 2005; Backer, 2010), tablet computers or tablets (Garfield, 2005), personal digital assistant (PDA) (Backer, 2010), MP3s and smart boards (Al-Qirim, 2011; Dutta, 2010). For the purpose of this research, the researcher will focus only on the utilisation of smartphones.

1.2 Smartphones as Ubiquitous Technology

With the fast paced development of technology, today's students have thrived towards more on interactivity, immediate gratification and expect constant connections in using technology for social life as well as for academic life (Oblinger, Oblinger & Lippincott, 2005). Therefore, due to these needs have lead to the introduction of ubiquitous technology in education.

Ubiquitous technology is an advanced-mobile digital technologies that feature with built-in applications such as processor, RAM, WiFi, GPS, Web browsing and email. It is also viewed as versatile devices that combining the mobility and connectivity of many elements (El-Gayar, Moran & Hawkes, 2011; Yong, 2010; Jobs, 2007). It has the ability to support the permanency of data and information, give immediate response and offer excellent accessibility to students which allow them to learn in a real-world learning environment outside the classroom realm (Hwang, Wu & Tseng, 2011; Yahya, Ahmad, Jalil & Mara, 2010; Zhang, 2005; Hwang, Tsai & Yang, 2008). In the context of this study, ubiquitous technology refers to as latest and advanced-mobile technology that is equipped with an Internet access, wireless system, built-in applications and other special specifications. The technology that will be a focus in this study is a smartphone.

1.3 Benefits of Smartphones

There are many benefits which speak for the ubiquitous technology utilisation, such as promoting flexible learning, improving performance, engagement, motivation in learning and enhancing employability skills.

Flexible learning relates to the change on how learning is being conducted with the help of technology (Kessler & Bikowski, 2010). With technology students are able to customize and make more of the decisions about how to use technology, show responsibility for their own learning and have specific strategies for managing their learning synchronously or asynchronously. Besides, learners also find that with the utilisation of technology, learning will become more interactive and lively as they are able to learn outside the classroom environment (Murphy, 2011).

Due to the features, size, capability and mobility of the ubiquitous technology, learners find that learning has become more interactive, lively, hence improving their performance, engagement and motivation in learning (Chew, Lee, Lim, Loke & Wong, 2012). This is because, the attractive features, visual and interactivity qualities in ubiquitous technology are able to direct students' attention towards learning tasks and also add elements of enjoyment (Park, Nam & Cha, 2012). With the capability offers by the ubiquitous technology too, students will become more motivated to learn and solve complex skills such as Mathematic equations (Georgina & Olson, 2008), Engineering formulas (Olds, Moskal & Miller, 2005) as well as to enhance their employability skills (Azizan, 2010).

1.4 Patterns of Smartphones Utilisation

Smartphones utilisation is divided into five broad patterns and being adapted from NETS.S. The patterns are identified as utilisation for operations and concepts tool, communication and collaboration tool, research and information fluency tool, digital citizenship tool and critical-thinking, problem solving and creativity tools.

The first category is smartphones utilisation as operations and concepts tool. According to ISTE (2007) and Roblyer (2000), the terms operations and concepts refers to the use of technology in demonstrating a sound understanding of basic technology concepts, troubleshooting systems and understand general use of technology.

The utilisation of technology for communication and collaboration, refers to it usage for communication, interaction and collaboration purposes to support individual learning and contribute to the learning of others by employing a variety of digital media (ISTE, 2007). The utilisation of smartphones leads to an effective communication and interaction between teachers-students.

According to ISTE (2007), technology also can be used as a tool for locating, gathering, evaluating and using information from a wide array of sources and media for research purposes. Information fluency refers to the fluency of users in utilising technology to plan, locate, organize, synthesize and select information sources based on the appropriateness to specific tasks (Roblyer, 2010).

According to Roblyer (2000), digital citizenship tool refers to the utilisation of technology and its resources in understanding human, cultural and societal issues and improving the practice in legal and ethical behaviour. (Greengart, 2012) reported that, most undergraduates utilise smartphones as to widen their understanding on the issues of cyberbully, plagiarism and copy right.

Finally, according to ISTE (2007) technology also can be used as a tool to plan, conduct research, manage projects and solve problems creatively. A study in Malaysia by Amirnudin and Sulaiman (2013) found that in the context of engineering students, the utilisation of smartphones signify creative thinking, as students are able to construct knowledge, apply existing knowledge to generate new ideas, and develop innovative products and processes for learning purposes.

1.5 Statement of Problem

In the area of technology utilisation at higher education, there are a number of studies which have concentrated on the utilisation of desktop computers (Saud et al., 2010; Chong, Lim & Ling, 2008; Ramachandiran, 2012; Embi, 2007), Internet (Roesnita & Zainab, 2013; Hong, Ridzuan & Kuek, 2003; Sam, Othman & Nordin, 2005; Fairuz, Chong & Chew, 2008), learning management system or LMS (Ramayah, Ahmad & Lo, 2010; Md Yunus, Meseran & Abdul Wahab, 2010; Azizhan, 2010; Rahman, Ghazali & Ismail, 2010) and mobile phones (Hussin, Manap, Amir & Krish, 2012; Safie, 2004). Although a lot of studies have been conducted in the recent years on the utilisation of technology for learning in Malaysia, little attention has been given to examine the ubiquitous technology such as smartphones utilisation for learning in higher education. Therefore, this study will determine the current status of smartphones ownership and the utilisation patterns among engineering undergraduates in higher learning, particularly at MTUN. The patterns of utilisation are adopted from NETS.S and will provide as a framework for smartphones utilisation category and use as indicators on how smartphones are being fully utilised by the undergraduates.

1.6 Objectives of the study

In general, the main purpose of this research is to determine to what extent smartphones are being used and its purposes. The specific objectives of this study are to:

- i) determine the current status of smartphones utilisation among undergraduates.
- ii) determine the patterns of smartphones utilisation among the undergraduates.

2.0 Methodology

The type of research that was carried out in this study was a survey research and the accessible population were included the selected third-year undergraduates from four MTUN. In order to reconfirm the minimum recommended sample for this study, a Raosoft® software was employed. For sampling purpose, the proportional stratified sampling was used and finally the questionnaires were distributed randomly to the identified sample in each faculty to each university. The questionnaire was divided into four sections. Section A, collected the student's demographic information, Section B was on technology utilisation, Section C was on the technology competency and Section D was on factors that influence the technology utilisation. However, for the purpose of this paper, the researcher had discussed only on the analysis done on Section B. A five-point likert scale used were as follows, (1) Never (N), (2) Rarely (once a day a week) [R], (3) Sometimes (2-3 days a week) [ST], (4) Often (4 - 5 days a week) [OFT], (5) Very Often (more than 5 days a week) [VO].

3.0 Findings

a) Smartphone Utilisation Level

The utilisation level of smartphones among the undergraduates was high. Only 3 male students had a low level in utilisation with a minimum score of 98. 168 students (95=male, 73=female) with moderate utilisation level and 218 students (101=male, 117=female) with high utilisation level with a maximum score of 206. The overall result is demonstrated in Table 3.1 below.

Table 3.1: Smartphones Utilisation Level

	Level of Utilisation		
	Low	Moderate	High
	Frequency	Frequency	Frequency
Male	3	95	101
Female	-	73	117
Total	3	168	218
Minimum score = 98		Maximum score = 206	
*Low = 46-106		*Moderate = 107-167	
		*High = 168-230	

b) Patterns of Smartphones Utilisation

Result showed that smartphones were highly utilised as communication and collaboration tool followed by as operations and concepts tool, research and information fluency tool, digital citizenship tool and the lowest was as critical thinking, problem solving and creativity tool. The overall result is presented in Table 3.2 below.

Table 3.2: Smartphones Utilisation Patterns

Rank	Patterns of Utilisation	Mean	SD
1	Communication and Collaboration Tool	4.37	.932
2	Operations and Concepts Tool	2.75	.941
3	Research and Information Fluency Tool	2.67	.918
4	Digital Citizenship Tool	2.21	.996
5	Critical Thinking, Problem Solving and Creativity Tool	2.03	.987

4.0 Implication and Recommendation

Results showed that smartphones ownership among the undergraduates was relatively high. Most of the undergraduates owned their smartphones less than two years and only few of them owned their smartphones less than a year.

Results indicated that the highest utilisation of smartphones was as communication and collaboration tool. This finding echoed a study conducted by Thieman (2008) and Lei (2010), who found that students mostly used technology for communication and collaboration purposes.

The utilisation pattern as operations and concepts tool was at moderate level. Results showed that, the uses of smartphones to save files and documents and organize files into folders were extremely low. These findings echoed studies conducted by Thieman (2008) and Hargis and Wilcox (2008).

Result determined that the pattern of smartphones utilisation as digital citizenship and critical thinking, problem solving and creativity tool were at low level. This echoed studies conducted by Goel (2006), Thieman (2008) and Benson (2011) who found that the use of technology among undergraduates as tool in enhancing their higher order thinking skills such as creativity, problem solving and critical thinking is still lacking.

Therefore, since the current study has basically emphasized on smartphones utilisation among engineering undergraduates in higher learning in Malaysia, the researcher recommends that, the target population can be further outspread to other public and private universities in Malaysia, so, the scope of the population can be expanded.

Bibliography

- Amirrudin, M. T. M., & Sulaiman, H. (2013). Exploring the use of Tablet technology as a teaching tool at Kolej Matrikulasi Perak. In AIP Conference Proceedings (Vol. 1522, p. 590).
- Benson, L. G. (2011). Problem Solving Strategies Revealed. American Society for Engineering Education, 2-10.
- Churches, A. (2008). Bloom's taxonomy blooms digitally. Educators' eZine.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (2011). Household Use of the Internet Survey. Kuala Lumpur.
- El-Gayar, O., Moran, M., & Hawkes, M. (2011). Students' acceptance of Tablet PCs and implications for educational institutions. Journal of Educational Technology & Society, 14(2), 58-70.
- Entwistle, N. N. (2004). Teaching-learning environments and student learning in Electronic engineering. Third Workshop of the European Network on Powerful Learning Environments.,(pp. 1-17). Brugge.
- Greengart, L. (2012). Modern Technology as a Status Symbol — What Your Tech Devices Say About You. The Tech Issue, pp. 2-4.
- Hargis, J., & Wilcox, S. M. (2008). Ubiquitous, free, and efficient online collaboration tools for teaching and learning. Turkish Online Journal of Distance Education, 9(4), 9-17.
- Hwang, G. J., Tsai, C. C., & Yang, S. J. (2008). Criteria, strategies and research issues of context-aware ubiquitous learning. Educational Technology & Society, 11(2), 81-91.
- Hwang, G. J., Wu, C. H., Tseng, J. C., & Huang, I. (2011). Development of a ubiquitous learning platform based on a real-time help-seeking mechanism. British Journal of Educational Technology, 42(6), 992-1002.
- Jobs, S. (2007). Thoughts on Music. Apple.com, 6.
- Lei, J. (2010). Quantity versus quality: A new approach to examine the effect between technology use and student outcomes. British Journal of Educational Technology, 41(3), 4 55-472.
- Levin, A. J. (2001). Technology as Media: The learner Centred Perspective. AERA Meeting, (pp. 2-12). Seattle.
- Malaysian Communications and Multimedia Commission (2011). Use of the Internet Survey. Kuala Lumpur: Malaysian Communications and Multimedia Commission.
- Malaysian Technical University Networks (MTUN), Strategic Plan, 2013.

KESABARAN DAN KESYUKURAN PASTI BEROLEH KEMENANGAN


oleh: Sharniza Binti Zainuddin

Dalam kehidupan seharian, pelbagai kesulitan yang mungkin akan kita tempuhi hingga ada masanya menguji kesabaran kita. Kita mungkin merasakan telah buat yang terbaik dari segi amalan seperti dituntut dalam agama dan berusaha seikhlas hati dalam mencari rezeki disamping menjaga hubungan yang baik dalam rumah tangga, rakan sekerja, jiran dan sebagainya. Kita mengandaikan setelah melakukan semua perkara tersebut Allah pasti memakbulkan doa kita dan memudahkan segala urusan malahan cita-cita kita. Tapi apa yang kita dapat adalah sebaliknya. Tidak dinafikan ada yang berjaya dalam hidup dengan mempunyai kerjaya atau perniagaan yang baik kerana berusaha dengan gigih serta mengikut landasan yang dituntut oleh agama seperti yang kita lakukan. Walau pun ada sebaliknya berjaya tetapi tidak mengikut seperti yang kita lakukan. Ini semua qada' dan qadar Allah. Oleh itu hendaklah bersabar dan bersangka baiklah dengan Allah. Setiap manusia seharusnya selalu mengingati nikmat yang Allah kurniakan kepada kita dengan kesabaran dan kesyukuran. Kerana nikmatNya telah meliputi dari hujung rambut hingga ke bawah kedua telapak kaki, kesihatan badan, keamanan negara, hutan belantara, udara dan air serta masih banyak lagi lainnya adalah nikmat yang telah diberikan Allah kepada kita.



.....sekiranya kalian menghitung-hitung nikmat Allah,
nescaya kalian tidak akan dapat menghitungnya....
(Ibrahim :34)

Demikian besar nikmat Allah yang telah dianugerahkan kepada kita sekiranya kita sentiasa bersabar dengan ujian yang diberikan. Dunia ini, berserta apa yang ada di dalamnya telah diciptakan oleh Allah untuk kita, tetapi kita tidak menyedarinya :



.....Dia telah memberikan nikmat-nikmatNya
secara sempurna kepada kalian, baik zahir mahupun
yang batin.....(Luqman : 20)

Menurut kalangan bijak bistari : “Untuk menyelesaikan suatu masalah yang tidak ada jalan keluarnya, adalah dengan bersabar”. Dikatakan “barangsiapa yang selalu bersabar, pasti beroleh kemenangan”.

Peribahasa-peribahasa yang berkaitan dengan sabar banyak sekali :

Sabar adalah kunci kejayaan

Barangsiapa bersabar, maka dia akan berjaya mengatasi permasalahan

Buah kesabaran itu adalah keberhasilan

Tatkala musibah yang menimpa itu sedemikian berat, pasti akan datang kebahagiaan

Sesungguhnya dalam keburukan itu ada kebaikan

Allah akan mendatangkan kegembiraan tatkala semua harapan telah putus. Ayat Al-Quran ada menyebut :




.....sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar (Al-Anfal : 46)



.....sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas (Az-Zumar : 10)

Diriwayatkan dari Abdullah bin Mas'ud Radhiyallahu 'anhu: Jalan keluar dan kelapangan hati itu ada dalam keyakinan dan keredhaan hati. Sedangkan keresahan dan kesedihan itu ada dalam keraguan dan ketidak-sukaan. Dia juga pernah mengatakan "orang yang banyak bersabar akan memperoleh yang terbaik."

. Bersabarlah ! Akan tetapi ketahuilah bahawa kita tidak mampu bersikap sabar, kecuali atas pertolongan dan taufiq dari Allah. Bersabarlah sebagaimana kesabaran orang yang yakin akan datangnya pertolongan daripada Allah, orang yang tahu akan sebaik-baik tempat kembali, orang yang mengharapkan pahala, dan orang yang mengharapkan terhapusnya dosa. Bersabarlah, meskipun adan menghadapi pelbagai persoalan hidup dan menghalangi jalan yang akan anda tempuhi. Sesungguhnya pertolongan akan datang setelah kesabaran, kelapangan akan datang setelah kesusahan dan kemudahan akan datang setelah kesulitan. Maka dengan itu, bersabarlah kerana sabar menjadikan kita orang yang sentiasa bersyukur dan memperoleh kejayaan.



STAF 2015







PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN




COGNITIVE AFFECTIVE PSYCHOMOTOR

source: Universiti Putra Malaysia (UPM)





Edisi 2014 - 2015



**Edisi
2010**



**Edisi
2011**



**Edisi
2012**



**Edisi
2013**

PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PPP)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
 Hang Tuah Jaya,
 76100 Durian Tunggal,
 Melaka.
 Tel : 06 283 3449 / 3491 Faks : 06 283 3493
 Website : www.utm.edu.my/ppp
 Email : ppp@utm.edu.my